

'Kejayaan dua tahun lalu jadi pendorong pertandingan ini'

PENCAR - SILAT.

PUSINGAN akhir pertandingan silat antara balai rakyat anjuran Persatuan Rakyat (PA) dan Persekutuan Silat Singapura (Persisi) akan berlangsung dalam Mei depan.

Ita akan diadakan di Kompleks Sukan Delta, seperti yang diadakan pertama kali dua tahun lalu. **14 MAR 1985**

Adalah di jadualkan pusingan awal pertandingan kali ini akan bermula pada 16 April bertempat di Balai Rakyat Kampong Ubi yang baru.

Kejayaan

Demikian diterangkan oleh Setiausaha Agung Persisi, Johari H.M. Urif, yang juga Setiausaha Dua jawatankuasa penganjur pertandingan.

Encik Johari memberitahu Nadi Belia bahawa keputusan untuk menganjurkan pertandingan itu tahun ini dibuat berdasarkan kepada kejayaan pertandingan pertama dua tahun lalu.

Menurut beliau, tidak terdapat banyak perubahan atau rombakan dalam syarat-syarat atau peraturan-peraturan dalam pertandingan kali ini. Salah satu daripadanya termasuk



ENCIK JOHARI URIF
...tidak banyak perubahan dalam syarat-syarat pertandingan kali ini.

lah mengenakan syarat iaitu setiap peserta haruslah menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum dibenarkan masuk bertanding.

Selain daripada itu satu perkara baru yang dimasukkan dalam pertandingan kali ini ialah setiap kelas yang dipertandingkan haruslah sekurang-kurangnya mempunyai tiga orang peserta.

Berbanding dengan tahun lalu, bilangan minimum ialah dua orang, katanya.